

**Titah Ucapan
D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus,
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum
Tuanku Munawir**

**Majlis Pelantikan dan
Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Majlis
Mesyuarat Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus**

**Rabu, 23 Mei 2018
11.00 pagi**

Istana Besar Seri Menanti

Bismillahirahmanirrahim

***Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh
dan salam sejahtera.***

1. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, maka Beta dan Tunku Ampuan Besar dapat berangkat hadir ke Majlis Pelantikan dan Mengangkat

**Sumpah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat
Kerajaan Negeri Sembilan pada pagi ini.**

2. Beta mengucapkan tahniah kepada wakil-wakil rakyat yang dipilih untuk menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada kali ini. Pelantikan ini adalah merupakan satu cabaran bagi kamu semua kerana selain daripada menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri

kawasan masing-masing, sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, kamu juga bertanggungjawab untuk merangka dasar dan halatuju pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

3. Beta mengingatkan semua bakal ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan agar menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan jujur, adil dan professional. Jangan

sesekali menyalahgunakan kuasa yang diberikan untuk kepentingan peribadi, keluarga ataupun sahabat handai terutamanya dalam membuat keputusan pemberian tender atau projek kerajaan.

4. Seperti yang pernah beta titahkan semasa majlis pelantikan Menteri Besar baru-baru ini, negara amat memerlukan pemimpin yang berpendirian tinggi, dalam

Bahasa Inggeris, *persons of honour.*
Menyalahgunakan kuasa dan kedudukan
yang ada akan menjurus kepada
ketidakadilan serta kerapuhan
pelaksanaan sesuatu dasar yang telah
dirangka untuk kebaikan rakyat.

5. Semoga Allah S.W.T akan sentiasa memberikan rahmat serta perlindungan kepada kita semua untuk terus hidup dalam keadaan aman dan tenteram di negeri ini.

Sekian,

***Wabillahittaifiq Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***